

D.R. 37/2024

RANG UNDANG-UNDANG

b e r n a m a

Suatu Akta untuk meminda Akta Cukai Perkhidmatan 2018.

[]

DIPERBUAT oleh Parlimen Malaysia seperti yang berikut:

Tajuk ringkas dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Akta ini bolehlah dinamakan Akta Cukai Perkhidmatan (Pindaan) 2024.

(2) Akta ini mula berkuat kuasa pada tarikh yang ditetapkan oleh Menteri melalui pemberitahuan dalam *Warta*.

Pindaan seksyen 2

2. Akta Cukai Perkhidmatan 2018 [*Akta 807*] dipinda dalam subseksyen 2(1)—

(a) dalam takrif “kawasan ditetapkan”, dengan menggantikan perkataan “dan Pangkor” dengan perkataan “, Pangkor dan Pulau 1”; dan

(b) dengan memasukkan selepas takrif “perniagaan” takrif yang berikut:

‘ “Pulau 1” mempunyai erti yang diberikan kepadanya di bawah subseksyen 2(1) Akta Kastam 1967;’.

HURAIAN

Rang Undang-Undang ini bertujuan untuk meminda Akta Cukai Perkhidmatan 2018 (“Akta 807”).

2. *Fasal 1* mengandungi tajuk ringkas dan peruntukan permulaan kuat kuasa Akta yang dicadangkan.

3. *Fasal 2* bertujuan untuk meminda subseksyen 2(1) Akta 807.

Perenggan (a) bertujuan untuk memasukkan Pulau 1 dalam takrif “kawasan ditetapkan”.

Perenggan (b) bertujuan untuk memasukkan takrif baharu “Pulau 1”.

IMPLIKASI KEWANGAN

Rang Undang-Undang ini tidak akan melibatkan Kerajaan dalam apa-apa perbelanjaan wang tambahan.

[PN(U2)3378]